



19 Ogos 2020
19 August 2020
P.U. (A) 233

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LAYANAN PERUBATAN DAN PENYARAAN
ORANG YANG DIPINDAHKAN KE STESEN
KUARANTIN) (NO. 2) 2020

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS
DISEASES (MEDICAL ATTENDANCE AND
MAINTENANCE OF PERSON REMOVED TO
QUARANTINE STATION) (NO. 2)
REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LAYANAN PERUBATAN DAN PENYARAAN ORANG YANG DIPINDAHKAN
KE STESEN KUARANTIN) (NO. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 31(2)(q) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 Julai 2020.

Kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan di stesen kuarantin

2. (1) Tertakluk kepada peraturan 3, mana-mana orang yang memasuki Malaysia dari luar negeri dan diarahkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa untuk menjalani pemerhatian atau pengawasan di bawah seksyen 15 Akta di mana-mana stesen kuarantin hendaklah membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan orang itu di stesen kuarantin itu.

(2) Pembayaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Orang yang tidak bertanggung untuk membayar kos dan perbelanjaan

3. (1) Mana-mana orang yang dinyatakan dalam Jadual yang memasuki Malaysia dari luar negeri dan diarahkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa untuk menjalani pemerhatian atau pengawasan di bawah seksyen 15 Akta di mana-mana stesen kuarantin

tidak bertanggung untuk membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan orang itu di stesen kuarantin itu.

(2) Mana-mana orang selain orang yang dinyatakan dalam Jadual boleh memohon kepada Menteri untuk tidak membayar kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan orang itu di sesuatu stesen kuarantin.

(3) Dalam hal orang yang disebut dalam subperaturan 2(1) ialah seorang warganegara Malaysia yang diarahkan untuk menjalani pemerhatian dan pengawasan telah menjalani ujian pengesanan penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dalam masa empat belas hari dari tarikh arahan itu dikeluarkan tetapi keputusan ujian pengesanan itu tidak diperoleh selepas hari keempat belas, orang itu tidak bertanggung untuk membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan orang itu di stesen kuarantin itu bagi hari kelima belas sehingga keputusan ujian pengesanan itu diperoleh jika orang itu diarahkan untuk menjalani pengawasan dan pemerhatian lebih daripada empat belas hari.

Kesalahan

4. Mana-mana orang yang melanggar subperaturan 2(1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Mendapatkan balik kos dan perbelanjaan sebagai hutang sivil

5. (1) Apa-apa kos dan perbelanjaan yang terhutang dan kena dibayar oleh mana-mana orang di bawah subperaturan 2(1) boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena bayar kepada Kerajaan.

(2) Walau apa pun sabitan mana-mana orang di bawah peraturan 4, apa-apa kos dan perbelanjaan yang terhutang dan kena dibayar oleh orang itu di bawah subperaturan 2(1) boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena bayar kepada Kerajaan.

Pembatalan

6. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) 2020 [*P.U. (A) 211/2020*] dibatalkan.

JADUAL

[Subperaturan 3(1)]

ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGAN UNTUK MEMBAYAR KOS
DAN PERBELANJAAN

1. Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*]
2. Warganegara Malaysia daripada golongan *B40
3. Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri, atau anak yang berumur lapan belas tahun dan ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan *B40, yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan *B40 itu
4. Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada keluarga golongan *B40
5. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah
6. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri

7. Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik selepas dibebaskan dari penjara di negara asing yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada sumber pendapatan

*Golongan B40 adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan

Dibuat 19 Ogos 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEDICAL ATTENDANCE
AND MAINTENANCE OF PERSON REMOVED TO QUARANTINE STATION) (NO. 2)
REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 31(2)(q) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Medical Attendance and Maintenance of Person Removed to Quarantine Station) (No. 2) Regulations 2020**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 24 July 2020.

Cost and expenses charged or incurred for medical attendance and maintenance at quarantine station

2. (1) Subject to regulation 3, any person who enters Malaysia from overseas and is directed by an authorized officer to undergo observation or surveillance under section 15 of the Act at any quarantine station shall pay any cost and expenses charged or incurred for his medical attendance and maintenance at the quarantine station.

(2) The payment under subregulation (1) shall be made to the Secretary General of the Ministry of Health Malaysia in such manner as determined by the Director General.

Persons not liable to pay cost and expenses

3. (1) Any person specified in the Schedule who enters Malaysia from overseas and is directed by an authorized officer to undergo observation or surveillance under section 15 of the Act at any quarantine station shall not be liable to pay any cost and

expenses charged or incurred for his medical attendance and maintenance at the quarantine station.

(2) Any person other than the person specified in the Schedule may apply to the Minister for non-payment of the cost and expenses charged or incurred for his medical attendance and maintenance at a quarantine station.

(3) In the case where the person mentioned in subregulation 2(1) is a Malaysian citizen who is directed to undergo observation and surveillance has undergone the Coronavirus disease 2019 (COVID-19) detection test within fourteen days from the date the direction is issued but the results of the detection test is not available after the fourteenth day, the person shall not be liable to pay any cost and expenses charged or incurred for his medical attendance and maintenance at the quarantine station for the fifteenth day until the result of the detection test is available if the person is directed to undergo observation and surveillance for more than fourteen days.

Offence

4. Any person who contravenes subregulation 2(1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Recovery of cost and expenses as civil debt

5. (1) Any cost and expenses due from and payable by any person under subregulation 2(1) may be recovered as a civil debt due to the Government.

(2) Notwithstanding the conviction of any person under regulation 4, any cost and expenses due from and payable by that person under subregulation 2(1) may be recovered as a civil debt due to the Government.

Revocation

6. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Medical Attendance and Maintenance of Person Removed to Quarantine Station) Regulations 2020 [P.U. (A) 211/2020] are revoked.

SCHEDULE
[Subregulation 3(1)]

PERSONS NOT LIABLE TO PAY COST AND EXPENSES

1. A holder of a Kad OKU issued under the Persons with Disabilities Act 2008 [*Act 685*]
2. A Malaysian citizen from the *B40 group
3. A Malaysian citizen who is the mother, father, husband, wife, or child of the age of eighteen and below, of a Malaysian citizen from the *B40 group, returning from overseas together with the Malaysian citizen from the *B40 group
4. A student who is a Malaysian citizen from a family of the *B40 group
5. A child who is a Malaysian citizen of the age of six and below
6. A child who is a Malaysian citizen of the age of twelve and below returning alone from overseas
7. A Malaysian citizen returning to Malaysia immediately upon being released from a prison in a foreign state who is unable to pay for the cost and expenses at the quarantine station or has no source of income

*B40 group shall be as determined by the Minister of Finance

Made 19 August 2020
[KKM.600-29/4/146]ld.2 (30); PN(PU2)470/III]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health